

PERANAN BAPA SEMAKIN MENCABAR

Oleh: Lokman bin Ismail

Masyarakat menghargai pengorbanan ibu. Hari Ibu disambut meriah setiap tahun. Bermacam-macam program diadakan sempena Hari Ibu. Tetapi pengorbanan bapa seperti dilupakan. Ramai tidak menyedari wujudnya sambutan Hari Bapa. Tidak ada pihak mengadakan program meraikan Hari Bapa. Tidak ada tokoh Bapa Mithali atau Bapa Soleh seperti dianugerahkan kepada ibu sempena Hari Ibu.

Persoalan ini ditimbulkan bukan atas rasa irihati kaum bapa terhadap kaum ibu. Tujuannya lebih menumpukan untuk melahirkan rasa kesedaran kaum bapa terhadap tanggungjawab yang terpaksa ditanggung kerana manusia mudah lupa jika tidak diulang sebut tentang tanggungjawab mereka. Manusia kurang motivasi jika apa yang dilakukan tidak dihargai. Wajar benar sambutan hari Bapa turut dimeriahkan seperti sambutan Hari Ibu.

Perkara penting untuk melahirkan keluarga bahagia terletak kepada kepimpinan bapa. Perkara itu meliputi keupayaan mendidik, menjaga keselamatan, memberi kasih sayang, menyara perbelanjaan dan mempertahankan maruah. Justeru, bapa perlu banyak berkorban demi melaksanakannya.

Sesungguhnya dalam hal ini bapa menanggung amanah yang besar. Maka dalam melaksanakan tugas tersebut memerlukan keikhlasan, kesediaan, kesungguhan, pengetahuan tentang tugas kebapaan, kemampuan dan ketakwaan kepada Allah SWT.

Semua aspek ini mempunyai pendekatan berbeza yang wajar dilakukan oleh setiap bapa dengan perasaan yakin dan tenang. Setiap aspek memerlukan kemahiran dan kemampuan khusus yang perlu dikuasai oleh kaum bapa.

Kemahiran kebapaan bukan lahir secara 'kebetulan' apabila bergelar bapa. Semuanya memerlukan usaha ke arah itu. Seorang bapa dapat mendalami ilmu kebapaan dengan menghadiri kursus, berkongsi pengalaman, pembacaan dan penghayatan terhadap tugas.

Tugas bapa bukan setakat menyediakan keperluan hidup seperti tempat tinggal, makanan dan pakaian kepada anak-anak. Bahkan belum sempurna tugas tersebut biarpun telah berjaya memberi kemewahan material kepada anak-anak. Keperluan bapa melaksanakan tanggungjawab adalah meliputi keperluan fizikal dan rohani. Kedua-dua keperluan itu sama penting.

Bapa tidak patut menganggap tugas yang dilakukan sebagai satu beban. Perasaan teras terbeban dengan tanggungjawab akan menghilangkan rasa ikhlas. Ini menjadikan keadaan lebih kusut dan bercelaru. Tanggungjawab kebapaan tidak dapat dilakukan dengan sempurna.

Sebenarnya memimpin keluarga ke jalan yang diredhai Allah SWT adalah satu jihad bagi seorang bapa untuk mendapat ganjaran besar di sisi Allah SWT. Setiap masa yang diluangkan untuk mendidik dan bermesra dengan anak dan ahli keluarga juga adalah sebahagian daripada jihad. Apa yang dilakukan tidak sia-sia. Setiap tenaga yang dicurahkan dan wang yang dibelanjakan untuk keluarga adalah sedekah. Balasan pahala yang disediakan amat besar. Bapa mithali mendapat kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat.

Dalam hal ini, Rasulullah SAW adalah contoh ikutan terbaik. Rasulullah SAW menjelaskan aspek pergaulan dan kasih sayang adalah intipati kebahagiaan sesebuah keluarga. Oleh itu Rasulullah SAW menganjurkan agar setiap bapa sentiasa melakukan yang terbaik untuk keluarganya.

Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: *"Orang yang paling baik di kalangan kamu ialah orang yang paling baik (pergaulannya) dengan ahli keluarga dan aku adalah yang terbaik dari kalangan kamu dalam pergaulan dengan ahli keluargaku."* (Ibnu Majah dan Ibnu Hibban).

Ramai bapa mengabaikan aspek kemesraan dalam pergaulan dengan anak-anak mereka. Mereka menganggap perkara tersebut tidak penting dalam membina kebahagiaan keluarga. Ada sebilangannya yang lebih suka menunjukkan sikap bengis sebagai cara mendidik anak. Dengan itu anak tidak berpeluang 'duduk rapat' dengan bapa. Cara ini mengikut mereka lebih berkesan agar anak-anak mudah mendengar kata dan tidak berani melakukan perbuatan yang ditegah.

Namun begitu cara sedemikian mungkin berkesan ketika mana anak-anak masih kecil tetapi hakikatnya kepatuhan anak kepada setiap larangan bukanlah atas kesedaran atau kefahamannya mengapa sesuatu itu perlu dilakukan atau dijauhi. Sebaliknya, anak tersebut tidak melakukan perbuatan dilarang hanya disebabkan takut kepada hukuman.

Sebenarnya, bapa wajar sentiasa mengambil pendekatan terbaik untuk membentuk hubungan mesra dan ceria dengan anak-anak. Ajarkan kepada anak apa yang boleh dan tidak boleh dilakukan. Beritahu mereka mengapa begitu dan begini terjadi. Malah, bapa sendiri perlu menunjukkan contoh yang baik.

Di waktu itulah juga masa yang sesuai dijelaskan kaitan larangan dengan kehendak agama dan undang-undang kerana semua yang betul dan salah mempunyai alasan yang perlu diperjelaskan kepada anak. Jika ada perkara yang belum mampu mereka fahami, beritahu mereka "apabila dewasa nanti baru faham. Sekarang ini cukuplah tahu kena buat, jangan buat, boleh dan tidak boleh buat".

Amat penting bagi bapa agar sentiasa berpegang bahawa konsep mendidik anak hendaklah berterusan. Bapa adalah contoh ikutan untuk membentuk peribadi anak. Oleh itu anak memerlukan masa bersama-sama bapa untuk memerhati dan mencontohi apa yang dilakukan oleh bapanya. Bapa adalah guru yang paling berkesan. Anak mudah 'percaya' apa yang diberitahu oleh bapanya.

Hal ini amat penting dalam soal akidah dan keimanan kerana bapa yang mencorakkan akidah anak mengikut apa yang diajarkan dan anak 'sedia' menerima apa yang diberikan kepada mereka. Sekiranya bapa tidak menjalankan tanggungjawab tersebut akan ada pihak lain akan mengambil alih. Oleh itu amat penting bagi seseorang bapa memastikan apa yang sepatutnya diterima oleh anak.

Sabda Rasulullah SAW bermaksud: *"Setiap anak dilahirkan dalam keadaan suci bersih. Ibu bapalah bertanggungjawab mencoraknya anak itu menjadi Yahudi, Nasrani atau Majusi."* (Bukhari dan Muslim)

Pengaruh negatif persekitaran dan rakan sebaya contohnya boleh menyebabkan anak-anak hilang pedoman jika tidak dibimbing. Anak yang bermasalah dan terlibat dengan gejala yang tidak baik kebanyakannya adalah berpunca dari kurangnya perhatian daripada bapa.

Hadith riwayat at-Tirmizi bermaksud: *"Tidak ada sesuatu pemberian yang lebih baik daripada seseorang ayah kepada anaknya selain daripada budi pekerti yang baik."*

Firman Allah SWT bermaksud: *"Wahai orang beriman! Peliharalah diri kamu dan keluarga kamu dari api neraka yang bahan-bahan bakarnya ialah manusia dan batu (berhala),"* (at-Tahrim: 6)

Bapa mithali akan sentiasa mencari peluang untuk menghabiskan masa bersama-sama dengan anak dan ahli keluarga. Bahkan anak menjadi inspirasi kepada seseorang bapa untuk terus berusaha lebih gigih dan sentiasa mengutamakan keluarga. Sebab itulah keletihan dan tekanan kerja akan hilang apabila melihat wajah anak-anak serta mendapat layanan mesra daripada isteri.

Sebaliknya, bapa yang tidak bertanggungjawab akan menganggap anak dan isteri sebagai beban dan menambahkan tekanan jiwa. Akhirnya mereka menjadi mangsa melepas geram akibat tekanan perasaan yang sebenarnya berpunca daripada masalah lain. Keadaan ini memburukkan lagi interaksi dan kasih sayang dalam keluarga sehingga kehidupan menjadi lebih tertekan.

Sebab itulah, bapa bermasalah lebih suka berada di luar rumah bersama-sama rakan. Mereka lebih mengutamakan kawan-kawan daripada apa yang diperlukan oleh anak-anak dan isteri. Tindakan ini sebenarnya tidak akan menyelesaikan masalah.

Ramai juga para bapa yang sentiasa menghabiskan masa di luar rumah akan mudah terlibat dalam aktiviti kurang baik. Akibatnya tanggungjawab terhadap keluarga semakin diabaikan.

Oleh itu para bapa janganlah mengambil mudah kasih sayang dan perhatian yang diperlukan oleh anak. Para bapa tidak boleh beranggapan bahawa sudah memadai kasih sayang dan perhatian yang diberikan oleh ibu.

Diriwayatkan oleh Bukhari satu kisah bahawa pada satu hari semasa Rasulullah mencium cucunya, perbuatan itu dilihat oleh Aqra bin Habis at-Tamimi lalu beliau mengatakan: "Aku mempunyai sepuluh anak, tetapi tidak seorang pun daripada mereka pernah aku cium." Rasulullah SAW lalu menjawab: "Apa dayaku apabila Allah telah mencabut kasih sayang daripada hatimu".

Rasulullah SAW tidak pernah mengabaikan tanggungjawab sebagai bapa terhadap anak biarpun yang sudah berumahtangga. Rasulullah SAW sentiasa mengunjungi rumah Fatimah dan bertanya khabar, serta memberi nasihat berguna dalam menjalankan tugas sebagai isteri dan ibu. Malah, Rasulullah SAW sentiasa memberi sambutan mesra setiap kali ketibaan Fatimah mengunjungi baginda. Baginda bangun menyambut ketibaan Fatimah, memberi kucupan dan memimpinnya ke tempat duduk.

Sesungguhnya kasih sayang berterusan seorang bapa terhadap anak biarpun yang sudah berkahwin bukanlah mengganggu urusan hidup anak, kerana ikatan kasih sayang bapa terhadap anak adalah kasih sepanjang hayat.

Kesimpulannya, anak-anak akan lebih menghormati dan kagum kepada bapa yang sedia memahami dan menghormati keperluan mereka. Anak tidak akan mensia-siakan pengorbanan bapa yang menjalankan tanggungjawab yang terbaik.